



16 Jun 2011
16 June 2011
P.U. (B) 308

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

SKIM BAGI PENGENDALIAN, PENGANJURAN DAN
PENGURUSAN PERTARUHAN SABAH LOTTO 2011

*SCHEME FOR THE OPERATION, PROMOTION AND
MANAGEMENT OF BETTING OF SABAH LOTTO 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERTARUHAN POOL 1967

SKIM BAGI PENGENDALIAN, PENGANJURAN DAN PENGURUSAN
PERTARUHAN SABAH LOTTO 2011

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Skim ini bolehlah dinamakan **Skim bagi Pengendalian, Penganjuran dan Pengurusan Pertaruhan SABAH LOTTO 2011**.

(2) Skim ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2001.

Tafsiran

2. Dalam Skim ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pertaruhan Pool 1967 [*Akta 384*];

“cabutan” ertinya nombor kemenangan yang dipilih secara rawak oleh pemegang lesen;

“Cabutan LOTTO” ertinya cabutan nombor daripada peralatan cabutan di bawah Skim ini;

“ejen” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh pemegang lesen, termasuk mana-mana pekerjanya, untuk menjalankan apa-apa transaksi kewangan berhubungan dengan Pertaruhan LOTTO;

“harga” ertinya jumlah pertaruhan yang kena dibayar oleh peserta kepada pemegang lesen atau ejennya dan termasuk cukai, jika ada;

“kelompok” ertinya siri nombor yang dicabut termasuk Nombor Utama dan Nombor Bonus untuk Permainan LOTTO;

“kod keselamatan” ertinya apa-apa bentuk kod yang tertera pada resit tiket bagi tujuan kawalan keselamatan;

“kod pengenalan” ertinya suatu kombinasi abjad dan angka nombor kawalan yang unik yang dicetak pada resit tiket atau apa-apa cara pengenalan lain yang ditentukan oleh pemegang lesen dari semasa ke semasa;

“Kumpulan” ertinya nombor kemenangan yang ditetapkan untuk kategori hadiah;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Akta;

“LOTTO” ertinya SABAH LOTTO;

“Menteri” ertinya Menteri Kewangan;

“mesej pengesahan” ertinya mesej yang dipapar pada skrin paparan atau mana-mana perantaraan lain sistem dalam talian;

“Nombor Bonus” ertinya nombor tambahan yang dipilih atau dicabut daripada satu julat nombor yang ditetapkan;

“nombor cabutan” ertinya nombor yang ditetapkan oleh pemegang lesen untuk Cabutan LOTTO;

“nombor kemenangan” ertinya nombor yang dicabut untuk Cabutan LOTTO yang berkaitan;

“nombor ramalan” ertinya nombor yang dipilih oleh peserta atau ditentukan oleh sistem dalam talian bagi pihak peserta dan dicetak pada resit tiket;

“Nombor Utama” ertinya nombor yang dipilih atau dicabut daripada satu julat nombor yang ditetapkan selain daripada Nombor Bonus;

“orang” ertinya mana-mana individu, persatuan, perbadanan, kelab, syarikat atau perkongsian;

“pembawa” ertinya mana-mana orang yang memiliki resit tiket;

“pemegang lesen” ertinya Dirivan Corporation Sendirian Berhad (No. Syarikat 163249-X);

“pemenang” ertinya mana-mana pembawa resit tiket kemenangan;

“Permainan LOTTO” ertinya mana-mana kombinasi dan variasi berhubungan dengan LOTTO 6/49, LOTTO 6/45, LOTTO 6/42, LOTTO 7, LOTTO 6 dan LOTTO 5;

“pertaruhan biasa” ertinya pertaruhan oleh peserta suatu nombor ramalan yang dipilih bagi Permainan LOTTO, agar satu resit tiket pertaruhan biasa akan memenangi satu hadiah jika nombor ramalan itu adalah sama dengan nombor kemenangan yang dicabut;

“Pertaruhan LOTTO” ertinya pertaruhan yang ditempah dalam permainan LOTTO;

“peserta” ertinya mana-mana orang yang mengambil bahagian dalam Pertaruhan LOTTO dengan membeli resit tiket, termasuk orang yang menuntut hadiah;

“pungutan jualan” ertinya pungutan kumulatif pertaruhan bagi setiap cabutan, tidak termasuk cukai jualan, yang diperoleh daripada Permainan LOTTO masing-masing;

“*Quick Pick*” ertinya nombor ramalan yang dipilih secara rawak oleh sistem dalam talian dan resit tiket yang dikeluarkan dengan cara ini hendaklah dipanggil tiket *Quick Pick*;

“resit tiket” ertinya tiket LOTTO yang dikeluarkan oleh pemegang lesen dan dibeli oleh peserta;

“Sijil” ertinya dokumen rasmi keputusan cabutan yang merekodkan nombor kemenangan untuk Cabutan LOTTO tertentu yang disahkan oleh pemegang lesen;

“sistem dalam talian” ertinya sistem berkomputer pemegang lesen bagi mengendalikan Pertaruhan LOTTO, termasuk peralatan lain yang diluluskan oleh pemegang lesen;

“Skim” ertinya Skim bagi Pengendalian, Penganjuran dan Pengurusan Pertaruhan SABAH LOTTO;

“slip taruhan” ertinya slip kertas yang digunakan oleh peserta bagi menyertai Pertaruhan LOTTO melalui sistem dalam talian atau sistem lain yang seumpamanya yang dianggap sesuai oleh pemegang lesen;

“taruhan” ertinya jumlah wang yang ingin dipertaruhkan oleh seorang peserta pada pemilihannya;

“tiket kemenangan” ertinya resit tiket yang mengandungi mana-mana nombor ramalan yang sepadan dengan nombor kemenangan; dan

“unit pertaruhan” ertinya amaun yang ditentukan oleh pemegang lesen sebagai pertaruhan minimum bagi setiap nombor ramalan, tidak termasuk cukai kerajaan yang hendaklah ditanggung oleh peserta.

Pelaksanaan hak di bawah lesen

3. Tertakluk kepada Akta, pemegang lesen boleh, dari semasa ke semasa, mengendali, menganjur dan menguruskan Pertaruhan LOTTO mengikut lesen.

Penubuhan pejabat

4. (1) Pemegang lesen boleh menubuhkan pejabat di tempat sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi pengendalian, penganjuran dan pengurusan Pertaruhan LOTTO di bawah Skim ini.

(2) Bagi tujuan Pertaruhan LOTTO melalui sistem dalam talian, pemegang lesen hendaklah mengemukakan bagi kelulusan Menteri, nama dan alamat premis di mana transaksi kewangan berhubungan dengan Pertaruhan LOTTO melalui sistem dalam talian akan dikendalikan.

Ejen dan pekerja

5. (1) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan bagi kelulusan Menteri, nama, alamat dan butiran lain mana-mana orang yang hendak dilantik sebagai ejennya.

(2) Pemegang lesen boleh mengambil kerja mana-mana orang untuk menguruskan pengendalian harian Pertaruhan LOTTO, tetapi pengambilan kerja itu tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu penyerahan hak dan tanggungan di bawah lesen itu.

(3) Tiada seorang pun melainkan ejen atau pekerja yang dirujuk dalam subperenggan (1) dan (2) hendaklah menjalankan, atau terlibat dalam, pengendalian harian Pertaruhan LOTTO.

Pertaruhan LOTTO

6. (1) Dalam membuat Pertaruhan LOTTO, peserta hendaklah memilih daripada yang berikut:

- (a) nombor ramalan mengikut peruntukan subperenggan 10(5) hingga 10(10);
- (b) pertaruhan biasa atau *Quick Pick* untuk setiap nombor ramalan yang dipilih dalam Permainan LOTTO;
- (c) nombor cabutan dan tarikh cabutan; atau
- (d) pertaruhan.

(2) Peserta boleh memilih nombor ramalan dan membayar pertaruhan dalam mana-mana cara yang berikut:

- (a) dengan melengkapkan slip taruhan mengikut arahan yang dinyatakan pada slip taruhan dan mengemukakannya kepada ejen bagi tujuan pemprosesan melalui sistem dalam talian;
- (b) dengan memohon tiket *Quick Pick*; atau
- (c) dengan mengarahkan ejen secara lisan.

(3) Resit tiket yang dicetak dengan sah adalah bukti pembelian yang sah dan penyertaan dalam Cabutan LOTTO yang berkenaan.

(4) Slip pertaruhan tidak menjadi bukti pembelian yang sah dan penyertaan dalam Cabutan LOTTO.

(5) Dalam satu pertaruhan biasa LOTTO 6/49, peserta hendaklah membuat pemilihannya ke atas enam nombor ramalan daripada satu set empat puluh sembilan nombor yang unik.

(6) Dalam satu pertaruhan biasa LOTTO 6/45, peserta hendaklah membuat pemilihannya ke atas enam nombor ramalan daripada satu set empat puluh lima nombor yang unik.

(7) Dalam satu pertaruhan biasa LOTTO 6/42, peserta hendaklah membuat pemilihannya ke atas nombor ramalan yang terdiri daripada lima Nombor Utama daripada satu set empat puluh dua nombor yang unik dan satu Nombor Bonus daripada satu set empat puluh dua nombor yang unik yang lain.

(8) Dalam satu pertaruhan biasa LOTTO 7, peserta hendaklah membuat pemilihannya ke atas nombor ramalan yang terdiri daripada enam Nombor Utama dan satu Nombor Bonus. Setiap daripada enam Nombor Utama hendaklah masing-masing

dipilih daripada enam set sepuluh nombor yang unik dalam setiap set, manakala Nombor Bonus hendaklah dipilih daripada satu set dua puluh enam nombor yang unik.

(9) Dalam satu pertaruhan biasa LOTTO 6, peserta hendaklah membuat pemilihannya ke atas nombor ramalan yang terdiri daripada lima Nombor Utama dan satu Nombor Bonus. Setiap daripada lima Nombor Utama hendaklah masing-masing dipilih daripada lima set sepuluh nombor yang unik dalam setiap set, manakala Nombor Bonus hendaklah dipilih daripada satu set dua puluh enam nombor yang unik.

(10) Dalam satu pertaruhan biasa LOTTO 5, peserta hendaklah membuat pemilihannya ke atas nombor ramalan yang terdiri daripada empat Nombor Utama dan satu Nombor Bonus. Setiap daripada empat Nombor Utama hendaklah masing-masing dipilih daripada empat set sepuluh nombor yang unik dalam setiap set, manakala Nombor Bonus hendaklah dipilih daripada satu set dua puluh enam nombor yang unik.

Resit tiket

7. (1) Resit tiket bagi Pertaruhan LOTTO hendaklah dikeluarkan dan dijual di premis yang ditetapkan dalam lesen sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dalam subperenggan 4(2).

(2) Resit tiket Pertaruhan LOTTO hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) nama SABAH LOTTO;
- (b) Permainan LOTTO, iaitu LOTTO 6/49, LOTTO 6/45, LOTTO 6/42, LOTTO 7, LOTTO 6 atau LOTTO 5;
- (c) *Quick Pick*;
- (d) nombor ramalan dan taruhan;
- (e) nombor cabutan dan tarikh cabutan;

- (f) harga;
- (g) kod pengenalan dan kod keselamatan; dan
- (h) maklumat lain yang berkaitan.

(3) Pemegang lesen atau ejennya boleh mengeluarkan resit tiket secara manual untuk dijual di mana keadaan mewajarkannya.

(4) Bagi maksud subperenggan (3), pengeluaran sedemikian hendaklah dihadkan kepada premis yang ditetapkan dalam lesen sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dalam subperenggan 4(2).

Budi bicara mutlak pemegang lesen

8. (1) Peserta boleh mengambil bahagian dalam Pertaruhan LOTTO tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh pemegang lesen.

(2) Pemegang lesen atau ejennya hendaklah mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak mana-mana orang daripada menyertai Pertaruhan LOTTO tanpa perlu memberikan apa jua alasan.

Penerimaan resit tiket

9. (1) Peserta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pemilihan yang dicetak pada resit tiket adalah sama dengan nombor ramalan yang dipilih.

(2) Pemegang lesen dianggap tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa perbezaan bagi maksud subperenggan (1) dan boleh bergantung sepenuhnya dengan maklumat yang dicetak pada resit tiket atau direkodkan dalam sistem dalam talian.

(3) Dalam keadaan butir-butir yang dicetak pada resit tiket berbeza dengan rekod pemegang lesen, butir-butir yang direkodkan pada pita magnetik atau cakera

atau apa-apa kaedah penyimpanan lain oleh pemegang lesen hendaklah diakui dan dianggap sebagai butir-butir yang benar bagi pembayaran hadiah dan tujuan lain.

Cabutan LOTTO

10. (1) Cabutan LOTTO hendaklah dijalankan pada setiap Rabu, Sabtu dan Ahad, atau pada hari lain yang ditentukan oleh Menteri, di tempat dan pada masa yang ditetapkan.

(2) Setiap cabutan hendaklah mempunyai satu nombor cabutan yang hendaklah dicetak pada resit tiket.

(3) Pemegang lesen boleh, dengan kelulusan Menteri, membatalkan atau mengubah bilangan cabutan.

(4) Apabila sesuatu cabutan tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan, cabutan hendaklah diadakan apabila keadaan mengizinkan.

(5) Apabila pemegang lesen memutuskan untuk tidak menjalankan sesuatu cabutan, semua pertaruhan yang ditempah bagi cabutan tersebut hendaklah dibayar balik kepada peserta dalam tempoh yang munasabah.

(6) Pembayaran balik hendaklah dibuat apabila peserta mengemukakan resit tiket yang sah kepada pemegang lesen atau ejennya.

(7) Dalam cabutan LOTTO 6/49—

(a) pemegang lesen hendaklah mencabut secara rawak satu kelompok enam Nombor Utama dan satu Nombor Bonus daripada satu set empat puluh sembilan nombor yang unik dan nombor yang dicabut dirujuk sebagai nombor kemenangan; dan

- (b) tidak akan ada apa-apa kejadian satu nombor cabutan yang sama seperti satu Nombor Utama dan Nombor Bonus dalam cabutan LOTTO 6/49 yang sama.
- (8) Dalam cabutan LOTTO 6/45—
- (a) pemegang lesen hendaklah mencabut secara rawak satu kelompok enam Nombor Utama dan satu Nombor Bonus daripada satu set empat puluh lima nombor yang unik dan nombor yang dicabut dirujuk sebagai nombor kemenangan; dan
- (b) tidak akan ada apa-apa keadaan di mana terdapat satu nombor cabutan yang sama sebagai Nombor Utama dan Nombor Bonus dalam cabutan LOTTO 6/45 yang sama.
- (9) Dalam cabutan LOTTO 6/42—
- (a) pemegang lesen hendaklah mencabut secara rawak satu kelompok lima Nombor Utama daripada satu set empat puluh dua nombor yang unik dan satu Nombor Bonus daripada satu set empat puluh dua nombor unik yang lain, dan nombor yang dicabut dirujuk sebagai nombor kemenangan; dan
- (b) nombor Bonus yang dicabut boleh sama dengan mana-mana Nombor Utama yang dicabut.
- (10) Dalam cabutan LOTTO 7—
- (a) pemegang lesen hendaklah mencabut secara rawak tiga kelompok nombor, setiap kelompok terdiri daripada enam Nombor Utama dan satu Nombor Bonus;

- (b) enam Nombor Utama hendaklah masing-masing dicabut daripada enam set sepuluh nombor yang unik dalam setiap set, manakala Nombor Bonus daripada satu set dua puluh enam nombor yang unik dan nombor yang dicabut dirujuk sebagai nombor kemenangan; dan
- (c) dalam keadaan cabutan Nombor Utama tidak lengkap, cabutan semula hendaklah dibuat.

(11) Dalam cabutan LOTTO 6—

- (a) pemegang lesen hendaklah mencabut secara rawak lima kelompok nombor, setiapnya terdiri daripada lima Nombor Utama dan satu Nombor Bonus;
- (b) lima Nombor Utama hendaklah masing-masing dicabut daripada lima set sepuluh nombor yang unik dalam setiap set, manakala Nombor Bonus daripada satu set dua puluh enam nombor yang unik dan nombor yang dicabut dirujuk sebagai nombor kemenangan; dan
- (c) dalam keadaan cabutan Nombor Utama tidak lengkap, cabutan semula hendaklah dibuat.

(12) Dalam cabutan LOTTO 5—

- (a) pemegang lesen hendaklah mencabut secara rawak lapan kelompok nombor, setiapnya terdiri daripada empat Nombor Utama dan satu Nombor Bonus;
- (b) empat Nombor Utama hendaklah masing-masing dicabut daripada empat set sepuluh nombor yang unik dalam setiap set, manakala Nombor Bonus daripada satu set dua puluh enam nombor yang

unik dan nombor yang dicabut dirujuk sebagai nombor kemenangan; dan

(c) dalam keadaan cabutan Nombor Utama tidak lengkap, cabutan semula hendaklah dibuat.

(13) Dalam keadaan proses cabutan terganggu disebabkan masalah teknikal, pemegang lesen hendaklah menyambungkan semula proses cabutan apabila keadaan mengizinkan. Dalam hal itu, semua nombor yang dicabut sebelumnya hendaklah diakui sebagai nombor kemenangan bagi semua tujuan, termasuk pembayaran hadiah khususnya bagi Cabutan LOTTO tersebut.

(14) Dalam keadaan proses cabutan terganggu disebabkan bencana alam, apa-apa kejadian yang berlaku secara kebetulan atau *force majeure* yang mengakibatkan kehilangan rekod, dan oleh sebab penamatan proses cabutan tersebut memerlukan cabutan dimulakan semula, proses cabutan yang terdahulunya hendaklah dibatalkan untuk semua tujuan, termasuk pembayaran hadiah.

(15) Pemegang lesen adalah tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kesilapan yang dibuat dalam penerbitan nombor kemenangan dalam apa jua perantara dan adalah tidak bertanggung dalam apa jua cara terhadap mana-mana orang bagi apa-apa kerugian yang dialami yang disebabkan kesilapan itu.

(16) Sijil hendaklah diakui dan dianggap sebagai rekod rasmi tunggal dan adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas pihak.

Hadiah dan nombor kemenangan

11. (1) Hadiah untuk mana-mana cabutan hendaklah dihadiahkan kepada pemenang mengikut struktur hadiah yang terpakai bagi cabutan berkenaan.

(2) Hadiah untuk Permainan LOTTO dibayar untuk setiap kombinasi kemenangan taruhan seunit, tertakluk kepada semua atau satu gabungan daripada yang berikut:

- (a) pool hadiah;
- (b) pengagihan sama rata;
- (c) *snowballing*;
- (d) amaun jaminan minimum; atau
- (e) hadiah tetap.

(3) Penentuan struktur hadiah bagi LOTTO 6/49 adalah seperti yang berikut:

- (a) kelayakan kepada hadiah masing-masing, berdasarkan satu unit pertaruhan Ringgit satu (RM1) adalah seperti yang berikut:

Kategori hadiah	Bilangan nombor kemenangan yang berpadanan	Peruntukan hadiah
I	6 Nombor Utama	pengagihan sama rata sebanyak 20% daripada pool hadiah
II	5 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	pengagihan sama rata sebanyak 8% daripada pool hadiah
III	5 Nombor Utama	hadiah tetap RM3,000
IV	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	hadiah tetap RM1,000
V	4 Nombor Utama	hadiah tetap RM40
VI	3 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	hadiah tetap RM28

; dan

- (b) kategori hadiah I dan II adalah tertakluk kepada pengagihan sama rata, *snowballing* dan amaun jaminan minimum menurut subperenggan 12(b), 12(c) dan 12(d) masing-masing.

(4) Penentuan struktur hadiah untuk LOTTO 6/45 adalah seperti yang berikut:

- (a) kelayakan kepada hadiah masing-masing berdasarkan satu unit pertaruhan Ringgit satu (RM1) adalah seperti yang berikut:

Kategori hadiah	Bilangan nombor kemenangan yang berpadanan	Peruntukan hadiah
I	6 Nombor Utama	pengagihan sama rata sebanyak 20% daripada pool hadiah
II	5 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	pengagihan sama rata sebanyak 3% daripada pool hadiah
III	5 Nombor Utama	hadiah tetap RM2,800
IV	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	hadiah tetap RM500
V	4 Nombor Utama	hadiah tetap RM38
VI	3 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	hadiah tetap RM10
VII	3 Nombor Utama	hadiah tetap RM 4

; dan

(b) kategori hadiah I dan II adalah tertakluk kepada pengagihan sama rata, *snowballing* dan amaun jaminan minimum menurut subperenggan 12(b), 12(c) dan 12(d) masing-masing.

(5) Penentuan struktur hadiah untuk LOTTO 6/42 adalah seperti yang berikut:

(a) kelayakan kepada hadiah masing-masing berdasarkan satu unit pertaruhan Ringgit satu (RM1) adalah seperti yang berikut:

Kategori hadiah	Bilangan nombor kemenangan yang berpadanan	Peruntukan hadiah
I	5 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	pengagihan sama rata sebanyak 20% daripada pool hadiah
II	5 Nombor Utama	pengagihan sama rata sebanyak 5% daripada pool hadiah
III	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	hadiah tetap RM1,800
IV	3 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	hadiah tetap RM60
V	4 Nombor Utama	hadiah tetap RM60
VI	2 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	hadiah tetap RM8

VII	3 Nombor Utama	hadiah tetap RM8
VIII	1 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus	hadiah tetap RM4
IX	hanya Nombor Bonus sahaja	hadiah tetap RM2

; dan

(b) kategori hadiah I dan II adalah tertakluk kepada pengagihan sama rata, *snowballing* dan amaun jaminan minimum menurut subperenggan 12(b), 12(c) dan 12(d) masing-masing.

(6) Penentuan struktur hadiah untuk LOTTO 7 adalah seperti yang berikut:

(a) kelayakan kepada hadiah masing-masing, berdasarkan satu unit pertaruhan Ringgit satu (RM1) adalah seperti yang berikut:

Kategori hadiah	Bilangan nombor kemenangan yang berpadanan	Peruntukan hadiah
I	6 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM50,000 + pengagihan sama rata sebanyak 5% daripada pool hadiah
II	6 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM50,000
III	6 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan II	hadiah tetap RM20,000 + Pengagihan sama rata sebanyak 2% daripada pool hadiah
IV	6 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan II	hadiah tetap RM20,000
V	6 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan III	hadiah tetap RM10,000 + Pengagihan sama rata sebanyak 1% daripada pool hadiah
VI	6 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan III	hadiah tetap RM10,000

VII	sama ada 5 nombor pertama atau 5 nombor terakhir daripada Nombor Utama dalam urutan tepat untuk nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM3,500
VIII	sama ada 4 nombor pertama atau 4 nombor terakhir daripada Nombor Utama dalam urutan tepat untuk nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM350
IX	sama ada 3 nombor pertama atau 3 nombor terakhir daripada Nombor Utama dalam urutan tepat untuk nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM50
X	sama ada 2 nombor pertama atau 2 nombor terakhir daripada Nombor Utama dalam urutan tepat untuk nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM5

; dan

(b) kategori hadiah I, III dan V adalah tertakluk kepada pengagihan sama rata, *snowballing* dan amaun jaminan minimum menurut subperenggan 12(b), 12(c) dan 12(d) masing-masing.

(7) Penentuan struktur hadiah untuk LOTTO 6 adalah seperti yang berikut:

(a) kelayakan kepada hadiah masing-masing berdasarkan satu unit pertaruhan Ringgit satu (RM1) adalah seperti yang berikut:

Kategori hadiah	Bilangan nombor kemenangan yang berpadanan	Peruntukan hadiah
I	5 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM15,000 + pengagihan sama rata sebanyak 5% daripada pool hadiah
II	5 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM15,000
III	5 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan II	hadiah tetap RM5,000 + pengagihan sama rata sebanyak 2% daripada pool hadiah

IV	5 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan II	hadiah tetap RM5,000
V	5 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan III	hadiah tetap RM3,000 + Pengagihan sama rata sebanyak 1% daripada pool hadiah
VI	5 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan III	hadiah tetap RM3,000
VII	5 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan IV	hadiah tetap RM1,000 + Pengagihan sama rata sebanyak 0.5% daripada pool hadiah
VIII	5 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan IV	hadiah tetap RM1,000
IX	5 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan V	hadiah tetap RM500 + pengagihan sama rata sebanyak 0.5% daripada pool hadiah
X	5 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan V	hadiah tetap RM500
XI	sama ada 4 nombor pertama atau 4 nombor terakhir daripada Nombor Utama dalam urutan tepat untuk nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM300
XII	sama ada 3 nombor pertama atau 3 nombor terakhir daripada Nombor Utama dalam urutan tepat untuk nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM30
XIII	sama ada 2 nombor pertama atau 2 nombor terakhir daripada Nombor Utama dalam urutan tepat untuk nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM5

; dan

(b) kategori hadiah I, III, V, VII dan IX adalah tertakluk kepada pengagihan sama rata, *Snowballing* dan amaun jaminan minimum menurut subperenggan 12(b), 12(c) dan 12(d) masing-masing.

(8) Penentuan struktur hadiah untuk LOTTO 5 adalah seperti yang berikut:

(a) kelayakan kepada hadiah masing-masing, berdasarkan satu unit pertaruhan Ringgit satu (RM1) adalah seperti yang berikut:

Kategori hadiah	Bilangan nombor kemenangan yang berpadanan	Peruntukan hadiah
I	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM2,300 + pengagihan sama rata sebanyak 6% daripada pool hadiah
II	4 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM2,300
III	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan II	hadiah tetap RM500 + pengagihan sama rata sebanyak 3% daripada pool hadiah
IV	4 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan II	hadiah tetap RM500
V	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan III	hadiah tetap RM300 + pengagihan sama rata sebanyak 2% daripada pool hadiah
VI	4 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan III	hadiah tetap RM300
VII	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan IV	hadiah tetap RM200 + pengagihan sama rata sebanyak 1% daripada pool hadiah
VIII	4 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan IV	hadiah tetap RM200
IX	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan V	hadiah tetap RM100 + pengagihan sama rata sebanyak 1% daripada pool hadiah
X	4 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan V	hadiah tetap RM100

XI	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan VI	hadiah tetap RM80 + pengagihan sama rata sebanyak 1% daripada pool hadiah
XII	4 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan VI	hadiah tetap RM80
XIII	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan VII	hadiah tetap RM60 + pengagihan sama rata sebanyak 1% daripada pool hadiah
XIV	4 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan VII	hadiah tetap RM60
XV	4 Nombor Utama + 1 Nombor Bonus dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan VIII	hadiah tetap RM50 + pengagihan sama rata sebanyak 1% daripada pool hadiah
XVI	4 Nombor Utama sahaja dalam urutan tepat ditentukan sebagai nombor kemenangan Kumpulan VIII	hadiah tetap RM50
XVII	sama ada 3 nombor pertama atau 3 nombor terakhir daripada Nombor Utama dalam urutan tepat untuk nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM15
XVIII	sama ada 2 nombor pertama atau 2 nombor terakhir daripada Nombor Utama dalam urutan tepat untuk nombor kemenangan Kumpulan I	hadiah tetap RM5

; dan

(b) kategori hadiah I, III, V, VII, IX, XI, XIII, dan XV adalah tertakluk kepada pengagihan sama rata, *Snowballing* dan amaun jaminan minimum menurut subperenggan 12(b), 12(c) dan 12(d) masing-masing.

Formula hadiah

12. Hadiah yang ditawarkan bagi kategori hadiah bagi setiap cabutan mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan kepadanya.

(a) Pool hadiah—

- (i) Pool hadiah adalah satu amaun yang bersamaan dengan lima puluh lima peratus daripada pungutan jualan permainan masing-masing. Walau apa pun pemegang lesen mempunyai kebebasan mutlak untuk mengubah peratusan tersebut tanpa pemberitahuan awal dan semua keputusan adalah muktamad, konklusif dan mengikat pihak.
- (ii) Bagi mengelakkan keraguan, setiap Permainan LOTTO hendaklah ditetapkan satu pool hadiah yang berasingan dan pool hadiah tersebut hendaklah diperuntukkan hanya untuk Permainan LOTTO yang berkenaan di mana pool tersebut diperoleh.

(b) Pengagihan sama rata—

- (i) Pengagihan sama rata bermaksud hadiah yang diperoleh daripada ciri-ciri permainan akan diagihkan sama rata antara jumlah bilangan kombinasi kemenangan yang dimiliki oleh pemenang kategori hadiah masing-masing dalam keadaan di mana terdapat lebih daripada satu kombinasi kemenangan dalam kategori hadiah tersebut.
- (ii) Amaun hadiah yang dibayar di bawah subperenggan 11(3) hingga 11(8) boleh diubah oleh pemegang lesen dari semasa ke semasa di mana bersesuaian, dan semua keputusan tersebut adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas pemenang.

- (c)* *Snowballing* akan hanya terpakai dalam keadaan di mana tiada pemenang dalam kategori hadiah tersebut bagi cabutan semasa, dan wang hadiah yang diagihkan tersebut akan dibawa ke hadapan dan ditambah kepada ke hadiah yang diagihkan yang berikutnya daripada kategori hadiah yang sama dalam cabutan yang berikutnya.

(d) Amaun jaminan minimum—

- (i) Amaun jaminan minimum ialah amaun minimum daripada wang hadiah yang dijamin oleh pemegang lesen bagi sesuatu kategori hadiah. Jika peruntukan hadiah daripada kategori hadiah tersebut adalah kurang daripada amaun jaminan minimum bagi sesuatu cabutan, maka pemegang lesen hendaklah hanya membayar amaun jaminan minimum tertakluk kepada pengagihan sama rata.
- (ii) Walau apa pun subperenggan 12(d)(i), pemegang lesen hendaklah mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan amaun jaminan minimum bagi kategori hadiah masing-masing, dengan syarat pemegang lesen hendaklah mempunyai kebebasan untuk mengubah amaun tersebut dari semasa ke semasa tanpa apa-apa pemberitahuan awal dan semua keputusan tersebut adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas pemenang.

(e) Hadiah tetap—

- (i) Amaun hadiah hendaklah berdasarkan pada kuantum tetap dan dibayar dalam gandaan daripada taruhan unit.
- (ii) Amaun hadiah tetap yang dibayar di bawah perenggan 11(3) hingga 11(8) boleh diubah oleh pemegang lesen dari semasa ke semasa di mana bersesuaian, dan semua keputusan tersebut adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas pemenang.
- (iii) Pemegang lesen hendaklah mempunyai budi bicara untuk menambah atau mengurangkan kategori hadiah dari semasa ke semasa, di mana bersesuaian.

Pembayaran wang hadiah

13. (1) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket melainkan dan sehingga resit tiket kemenangan yang sah diserahkan dan disahkan oleh pemegang lesen atau ejen dengan menggunakan prosedur pengesahan sistem dalam talian atau sistem lain yang dianggap sesuai oleh pemegang lesen.

(2) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket melainkan ia telah ditentukan sebagai suatu tiket kemenangan. Butir-butir pada resit tiket seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 7(2) mestilah sama dalam setiap segi dengan rekod pemegang lesen, yang telah direkodkan terlebih dahulu dalam pita magnetik atau cakera atau mana-mana kaedah penyimpanan yang lain oleh pemegang lesen sebelum Cabutan LOTTO yang berkenaan.

(3) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket sekiranya apa-apa butir-butir yang dinyatakan dalam subperenggan 7(2) telah dipinda atau sukar untuk dibaca, atau sekiranya resit tiket telah hilang, dicuri, tidak dikeluarkan, dicatitkan, koyak, rosak, dipalsukan atau palsu, dibatalkan oleh ejen, tersilap dihasilkan, tidak lengkap atau diusik dengan apa jua cara.

(4) Pemegang lesen mempunyai hak untuk memuaskan dirinya akan kesahihan setiap resit tiket yang diserahkan sebagai suatu tiket kemenangan dengan cara ujian ketulenan dan pengesahan berdasarkan keperluan dan prosedur yang ditentukan dari semasa ke semasa, dan untuk mengisytiharkan suatu resit tiket yang gagal ujian tersebut adalah dianggap tidak sah.

(5) Apabila tiket kemenangan yang sah diserahkan bagi tujuan menuntut hadiah, semua hak, hak milik dan kepentingan ke atas resit tiket tersebut dipindahkan kepada pemegang lesen setelah pemenang menerima hadiah daripada pemegang lesen.

(6) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket jika didapati suatu resit tiket lain dengan butir-butir yang sama dalam semua perkara dengan resit tiket yang diserahkan untuk penebusan hadiah, yang telah pun dibayar sebelumnya oleh pemegang lesen atau ejen.

(7) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket jika didapati suatu resit tiket tersebut telah direkodkan sebagai dibatalkan dalam rekod pemegang lesen.

(8) Maklumat yang terkandung dalam mesej pengesahan dalam mana-mana perantara adalah tidak muktamad bagi kelayakan menuntut hadiah. Jika berlaku kesilapan pengesahan, jumlah hadiah tersebut, jika ada, yang kepadanya penuntut adalah berhak, adalah tertakluk kepada nombor yang direkodkan dalam Sijil dan struktur hadiah yang terpakai.

(9) Pemegang lesen mempunyai hak untuk meyakinkan dirinya bahawa seseorang yang menuntut hadiah adalah berhak, dan akan kekal berhak, ke atas hadiah sebagai pembawa yang sah sesuatu tiket kemenangan.

(10) Pemegang lesen boleh menghendaki seseorang pemenang untuk mengemukakan pengenalan diri yang sah untuk menyokong identiti pemenang. Bentuk pengenalan diri yang sah yang diperlukan adalah atas budi bicara mutlak pemegang lesen.

(11) Pemegang lesen adalah tidak bertanggungjawab untuk menentukan hak mana-mana individu ke atas semua atau sebahagian daripada hadiah yang dimenangi bagi resit tiket yang dibeli oleh atau dikeluarkan kepada suatu kumpulan dalam Pertaruhan LOTTO.

(12) Pemegang lesen adalah tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara kepada mana-mana orang bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang mungkin dialami akibat daripada penyertaannya dalam Pertaruhan LOTTO sebagai ahli sesuatu kumpulan.

(13) Tiada hadiah akan dibayar bagi mana-mana resit tiket kemenangan jika didapati orang yang menuntut adalah seseorang yang dilarang oleh undang-undang atau apa-apa sekatan lain untuk menyertai Pertaruhan LOTTO.

(14) Dalam keadaan amaun pembayaran bagi sesuatu hadiah kepada seseorang pemenang memerlukan suatu perkiraan oleh pemegang lesen, perkiraan amaun tersebut adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas pemenang.

(15) Pemegang lesen boleh, atas budi bicara mutlaknyanya dan pada bila-bila masa semasa proses tuntutan hadiah, menghendaki maklumat peribadi tertentu daripada pemenang jika maklumat berkenaan adalah perlu untuk kesempurnaan pentadbiran pemegang lesen. Pemegang lesen tidak bertanggung bagi kegagalan untuk membayar atau menghadiahkan kesemua atau sebahagian daripada hadiah jika ia disebabkan oleh kegagalan pemenang untuk memberikan maklumat yang dikehendaki kepada pemegang lesen atau untuk membenarkan pemegang lesen menzahirkan maklumat berkenaan seperti yang boleh dikehendaki oleh mana-mana keperluan berkanun.

(16) Pembayaran hadiah mengikut cara yang diperuntukkan dalam Skim ini, dan dalam apa-apa polisi dan prosedur yang dirumuskan dan ditadbirkan oleh pemegang lesen, akan dibuat, tanpa faedah, oleh pemegang lesen dalam masa yang munasabah selepas hadiah tersebut dituntut.

(17) Bagi tujuan mengambil apa-apa hadiah, pemenang hendaklah memberikan pemegang lesen hak untuk menerbit, mencetak atau menyiar nama dan alamatnya, dan mana-mana gambar, pita video, rakaman suara, kenyataan, surat perakuan, filem atau mana-mana pengeluaran semula daripada atau olehnya tanpa sebarang tanggungan yang dikenakan kepada pemegang lesen.

Pelepasan tanggungan sepenuhnya

14. Pembayaran wang hadiah yang berkenaan kepada seseorang yang menyerahkan suatu resit kemenangan yang sah oleh pemegang lesen atau ejennya menjadi pelepasan sepenuhnya tanggungan pemegang lesen atau ejen berhubung dengan tiket kemenangan.

Had masa tuntutan

15. Semua tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh Cabutan LOTTO yang berkaitan.

Premis ditutup untuk perniagaan

16. Pemegang lesen boleh menutup mana-mana premis yang dinyatakan dalam lesen bagi mengendali, menganjur dan menguruskan Skim pada mana-mana hari atau masa.

Syarat am

17. (1) Pemegang lesen boleh, menurut budi bicaranya dan pada bila-bila masa, menolak untuk membayar balik mana-mana resit tiket yang dijual atau menerima mana-mana resit tiket yang dikembalikan untuk ditukar kepada resit tiket yang lain.

(2) Pemegang lesen boleh, menurut budi bicaranya dan pada bila-bila masa, menarik kembali atau enggan mengeluarkan, mengedarkan, mengesahkan, menebus atau sebaliknya menerima semua atau mana-mana bahagian daripada mana-mana resit tiket atau mengisytiharkan mana-mana resit tiket sebagai terbatal.

(3) Jualan resit tiket kepada dan pembelian resit tiket oleh mana-mana orang hendaklah mengikut subseksyen 20(1) Akta.

(4) Pemegang lesen tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan atau kerugian yang dialami oleh mana-mana orang akibat daripada operasi sistem dalam talian atau kegagalan sistem dalam talian untuk beroperasi sewajarnya atau sama sekali.

(5) Mana-mana orang yang mengambil bahagian dalam SABAH LOTTO hendaklah dianggap telah menerima dan hendaklah terikat dengan peruntukan Skim ini.

Dikemukakan kepada Menteri Kewangan oleh Pengarah Dirivan Corporation Sendirian Berhad pada 2 Julai 2001.

Tan Sri Dato' Yap Yong Seong
Pengarah
Diriwan Corporation
Sendirian Berhad Kuala Lumpur

MENURUT peruntukan seksyen 16 Akta Pertaruhan Pool 1967, Skim yang tersebut di atas telah diluluskan pada 1 Oktober 2001.

Bertarikh 12 April 2011
[KK/BP/WAII(S)/8.00/4/2-8 JD.3; PN(PU2)226/XI]

